

Cabaran dan Penambahbaikan dalam Merealisasikan Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf oleh MAIPs: Analisis Keberkesanan di Negeri Perlis

(Challenges and Improvements in Realizing the Asnaf Economic Improvement Program Distribution Scheme by MAIPs: Effectiveness Analysis in the State of Perlis)

Ummi Naiemah Saraih^{1,2*}, Noorazeela Zainal Abidin¹, Khairun Nisa' Khairuddin¹, Intan Maizura Abd Rashid³, Bidayatul Akmal Mustafa Kamil⁴

¹ Faculty of Business & Communication, Universiti Malaysia Perlis, 01000, Kangar, Perlis, Malaysia

² Center of Excellence for Social Innovation & Sustainability, Universiti Malaysia Perlis, 01000, Kangar, Perlis, Malaysia

³ Faculty of Business & Management, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Melaka, 75350 Melaka, Malaysia

⁴ School of Business Management, Universiti Utara Malaysia, 06010, Sintok, Kedah, Malaysia

* Pengarang Koresponden: ummi@unimap.edu.my

Received: 20 March 2025 | Accepted: 23 April 2025 | Published: 1 June 2025

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijaref.2025.7.2.2>

Abstrak: *Kajian ini meneliti keberkesanan Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf yang diperkenalkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dalam usaha meningkatkan taraf hidup golongan asnaf di negeri Perlis. Program ini bertujuan untuk membantu golongan asnaf, termasuk fakir, miskin, dan muallaf, keluar dari kemiskinan dengan memberi sokongan ekonomi yang mampan. Melalui kaedah temubual berstruktur dengan pegawai MAIPs, kajian ini menilai penerimaan program, pemantauan dan penilaian program, impaknya terhadap peningkatan ekonomi, cabaran yang dihadapi, serta cadangan penambahbaikan. Hasil kajian menunjukkan bahawa skim ini diterima baik oleh golongan asnaf, dengan beberapa penerima berjaya meningkatkan pendapatan mereka. Walau bagaimanapun, beberapa cabaran utama seperti kekangan sumber, isu pemilihan penerima, dan keperluan untuk pemantauan yang lebih berkesan telah dikenalpasti. Pemantauan dan penilaian program dilakukan oleh Akademi Transformasi Asnaf MAIPs (ATAM) melalui pelbagai kursus dan bimbingan, walaupun terdapat kekangan dalam pemantauan langsung. Cadangan penambahbaikan termasuk pengukuhan sokongan teknikal, penyediaan latihan keusahawanan yang lebih terperinci, dan penyelarasan kerjasama dengan pihak berkepentingan. Penemuan ini diharapkan dapat memberi panduan kepada MAIPs dan institusi lain yang melaksanakan program serupa untuk mempertingkatkan sokongan kepada golongan asnaf secara lebih holistik dan berkesan. Kajian ini juga menyumbang kepada perbincangan dalam pembangunan sosioekonomi dan pengentasan kemiskinan melalui pendekatan zakat yang inovatif dan lestari.*

Kata kunci: Asnaf, Cabaran MAIPS, Penambahbaikan, Peningkatan Ekonomi, Perlis

Abstract: *This study examines the effectiveness of the Asnaf Economic Improvement Program Distribution Scheme introduced by the Perlis Islamic Religious and Malay Customs Council (MAIPs) in an effort to improve the living standards of the asnaf in the state of Perlis. The*

program aims to help the asnaf, including the poor, the needy, and the muallaf, escape poverty by providing sustainable economic support. Through structured interview methods with MAIPs officers, this study assessed the acceptance of the program, monitoring and evaluation of the program, its impact on economic improvement, challenges faced, and suggestions for improvement. The results of the study showed that the scheme was well received by the asnaf, with some recipients successfully increasing their income. However, several key challenges such as resource constraints, recipient selection issues, and the need for more effective monitoring were identified. The monitoring and evaluation of the program was carried out by the MAIPs Asnaf Transformation Academy (ATAM) through various courses and guidance, although there were constraints in direct monitoring. Suggestions for improvement included strengthening technical support, providing more detailed entrepreneurship training, and coordinating collaboration with stakeholders. It is hoped that these findings will provide guidance to MAIPs and other institutions implementing similar programs to enhance support to the asnaf group in a more holistic and effective manner. This study also contributes to discussions on socio-economic development and poverty alleviation through innovative and sustainable zakat approaches.

Keywords: Asnaf, MAIPS Challenge, Improvement, Economic Improvement, Perlis

1. Pengenalan

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) memainkan peranan penting dalam memperkasakan kedudukan ekonomi golongan asnaf di negeri Perlis melalui pelbagai skim bantuan zakat yang dilaksanakan. Salah satu program utama yang diperkenalkan adalah Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf, yang bertujuan untuk membantu golongan asnaf keluar dari kemiskinan dengan menyediakan sokongan ekonomi yang mampan. Program ini terutamanya menasaskan golongan fakir, miskin, dan muallaf untuk meningkatkan taraf hidup mereka melalui sokongan yang memberi impak jangka panjang, bukan hanya memenuhi keperluan asas mereka, tetapi juga menggalakkan peningkatan dalam sektor keusahawanan dan aktiviti ekonomi lain.

Program ini bukan sahaja bertujuan untuk memberikan bantuan kewangan, tetapi juga membantu asnaf dalam memulakan perniagaan, membeli peralatan pertanian atau penternakan, serta meningkatkan keupayaan keusahawanan mereka. Dengan tujuan ini, MAIPs berharap dapat memperkasakan asnaf agar mereka dapat mencapai kemandirian ekonomi dan keluar dari lingkaran kemiskinan. Walau bagaimanapun, keberkesanan pelaksanaan program ini masih menjadi tanda tanya, terutamanya dalam memastikan bantuan yang diterima dapat memberikan impak yang maksimum dan mencukupi untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan, serta meningkatkan taraf hidup mereka secara berterusan.

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf dari perspektif pegawai MAIPs dan penerima bantuan. Melalui kaedah temubual berstruktur, kajian ini menilai beberapa aspek penting iaitu penerimaan golongan asnaf terhadap program, impaknya terhadap peningkatan ekonomi mereka, cabaran yang dihadapi oleh MAIPs dalam pelaksanaan skim ini, serta penilaian dan pemantauan program yang dilakukan. Selain itu, kajian ini juga memberi fokus kepada cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk memperbaiki keberkesanan program ini di masa hadapan.

Salah satu aspek utama yang menjadi tumpuan kajian ini adalah pemantauan dan penilaian yang dilakukan oleh MAIPs untuk menilai sejauh mana program ini mencapai objektifnya dalam meningkatkan ekonomi asnaf. Kajian ini turut menilai apakah cabaran yang dihadapi oleh MAIPs dalam melaksanakan program ini, serta bagaimana pemantauan dan penilaian dilaksanakan untuk memastikan bantuan yang diberikan memberi manfaat yang berterusan kepada penerima.

Melalui kajian ini, penulis berharap dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai impak ekonomi program terhadap kehidupan asnaf serta cabaran yang dihadapi oleh MAIPs. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti strategi penambahbaikan yang boleh membantu meningkatkan keberkesanan program dan menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi golongan asnaf di negeri Perlis.

Secara keseluruhan, kajian ini diharap dapat memberi panduan berguna kepada pihak MAIPs dalam merancang dan melaksanakan program bantuan yang lebih berkesan, serta memberi saranan kepada institusi zakat lain yang mungkin ingin meniru atau menambahbaik program serupa. Ini juga dapat memperkukuhkan lagi usaha-usaha pengentasan kemiskinan di Malaysia melalui pendekatan zakat yang lebih sistematik dan lestari.

2. Sorotan Literatur

2.1 Penerimaan Bantuan oleh Golongan Asnaf

Penerimaan bantuan zakat dalam kalangan asnaf telah menjadi topik utama dalam banyak kajian. Wahid, Ahmad dan Mohd Noor (2004) mendapati bahawa bantuan zakat memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti hidup asnaf fakir dan miskin. Kajian mereka menekankan bahawa penerimaan bantuan ini tidak hanya memenuhi keperluan asas, tetapi juga meningkatkan motivasi penerima untuk memperbaiki taraf hidup mereka. Selain itu, bantuan yang diberikan dalam bentuk peralatan atau modal perniagaan dilihat sebagai satu langkah efektif untuk memupuk daya saing asnaf dalam usaha keluar daripada kemiskinan. Tambahan pula, kajian oleh Meerangani dan Azman (2019b) menunjukkan bahawa penerimaan bantuan zakat melalui program pembangunan ekonomi telah membantu transformasi kehidupan usahawan asnaf. Mereka mendapati bahawa penerima bantuan yang aktif dalam program keusahawanan mempunyai peluang yang lebih besar untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka. Namun, kejayaan ini juga bergantung kepada sokongan berterusan dari institusi zakat dan penerapan pendidikan keusahawanan yang berkesan.

2.2 Pemantauan dan Penilaian Program Bantuan

Keberkesanan pemantauan dan penilaian program zakat sering menjadi cabaran utama bagi institusi zakat. Wahid et al. (2017) dalam kajian mereka menekankan kepentingan kecekapan pengurusan kewangan dan agihan zakat. Mereka mencadangkan bahawa penilaian berkala dan analisis data penerima zakat dapat meningkatkan keberkesanan program. Penggunaan teknologi moden seperti sistem maklumat zakat juga dilihat sebagai alat yang penting untuk mengesan perkembangan penerima bantuan secara lebih efisien.

Zuhairah et al. (2023) pula menekankan bahawa pemantauan yang dijalankan oleh Penilaian Program Bantuan Modal Zakat (PBMZ) dari perspektif pegawai zakat dan penerima zakat telah mendedahkan pelbagai senario. Beberapa isu dan cabaran dikenal pasti semasa mengiktiraf potensi program ini untuk mengurangkan kemiskinan dan memupuk keusahawanan Muslim. Halangan utama terletak pada sikap asnaf, yang sering menunjukkan

keengganan untuk berusaha dalam mengubah kehidupan mereka dan sebaliknya terlalu bergantung kepada bantuan yang ada

2.3 Impak Ekonomi Program terhadap Golongan Asnaf

Bantuan zakat melalui program pembangunan ekonomi asnaf telah memberikan impak yang signifikan terhadap kehidupan penerima. Ayoup et al. (2023) menunjukkan bahawa program seperti bantuan jayadiri bukan sahaja meningkatkan pendapatan penerima, tetapi juga memberikan pulangan sosial yang positif kepada komuniti. Impak ini termasuk peningkatan keupayaan keusahawanan dan pengurangan kadar kemiskinan dalam kalangan asnaf.

Selain itu, kajian oleh Meerangani dan Azman (2019b) menunjukkan bahawa asnaf yang menerima bantuan pembangunan ekonomi lebih berdaya tahan dalam menghadapi cabaran ekonomi. Mereka mendapati bahawa program yang menyokong pembinaan kapasiti dan latihan keusahawanan telah membantu penerima memanfaatkan peluang perniagaan dengan lebih baik. Walau bagaimanapun, keberkesanan program ini memerlukan komitmen penerima untuk terus aktif dan melibatkan diri dalam aktiviti pembangunan yang dianjurkan.

2.4 Cabaran dalam Pelaksanaan Program

Pelaksanaan program zakat sering kali berdepan dengan pelbagai cabaran. Zuhairah et al. (2023) menekankan bahawa perubahan kritikal dalam pemikiran adalah penting dalam kalangan asnaf. Mereka harus diberi galakkan untuk menghargai peluang yang disediakan oleh program dan fokus pada mengembangkan perniagaan secara aktif. Menangani isu asas ini adalah penting untuk perubahan dalam minda asnaf. Asnaf harus digalakkan untuk menghargai peluang yang disediakan, memberi tumpuan kepada langkah proaktif untuk mengembangkan perniagaan mereka, dan bertanggungjawab untuk kejayaan sendiri.

Ayub et al. (2022) pula menyatakan bahawa cabaran utama dalam pelaksanaan program zakat ialah memastikan penerima memanfaatkan bantuan dengan cara yang betul. Mereka mencadangkan pendekatan yang lebih proaktif seperti memberikan pendidikan kewangan dan bimbingan berterusan kepada penerima. Ini dapat membantu mereka menguruskan sumber yang diterima dengan lebih bijak, seterusnya mencapai matlamat untuk keluar daripada kemiskinan.

2.5 Strategi Penambahbaikan Program Bantuan

Bagi meningkatkan keberkesanan program zakat, beberapa cadangan telah dikemukakan oleh para penyelidik. Wahid, Ahmad dan Mohd Noor (2004) mencadangkan agar institusi zakat menyediakan sistem pemantauan bersepadu yang dapat menilai impak program secara menyeluruh. Sistem ini dapat membantu mengenal pasti kelemahan dalam pelaksanaan program dan menyediakan cadangan penambahbaikan yang relevan. Selain itu, Ayoup et al. (2023) menekankan bahawa usahawan asnaf ini perlu berpeluang untuk menghadiri kursus dan latihan keusahawanan, kursus perekodan, pengiklanan serta ceramah motivasi yang sentiasa ditawarkan bagi meningkatkan kemahiran keusahawanan mereka melalui. Latihan ini dapat memperkukuhkan kemampuan penerima untuk memanfaatkan bantuan secara optimum. Meerangani dan Azman (2019a) pula mencadangkan agar kolaborasi dengan agensi-agensi tertentu seperti Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) dalam usaha mempelbagaikan lagi ilmu dan kemahiran yang dimiliki oleh usahawan asnaf. Ini dapat menyediakan peluang yang lebih besar kepada penerima bantuan. Langkah ini bukan sahaja dapat memperkasa penerima dari segi ekonomi, tetapi juga membina jaringan sokongan yang lebih kukuh bagi mereka.

3. Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menilai keberkesanan Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). Pendekatan kualitatif dipilih untuk memberikan pemahaman yang mendalam tentang pengalaman dan pandangan pegawai MAIPs yang terlibat dalam pengurusan program ini, serta penerima manfaat program.

Reka bentuk kajian ini melibatkan temubual berstruktur yang dijalankan dengan pegawai MAIPs yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program. Temubual berstruktur dipilih kerana ia membolehkan penyelidik mengumpulkan data yang lebih konsisten dan terarah, dengan soalan-soalan yang telah dirancang untuk memastikan bahawa isu-isu utama yang berkaitan dengan kajian dapat dikaji dengan mendalam. Temubual ini memberi ruang kepada peserta untuk memberikan pandangan yang lebih luas berkenaan pengalaman mereka, namun dalam batasan soalan yang telah ditetapkan.

Kajian ini melibatkan dua pegawai MAIPs dari Bahagian Pengurusan Zakat. Kedua-dua pegawai ini telah terlibat dalam pengurusan dan pelaksanaan Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf, yang menjadikan mereka sebagai peserta yang sesuai untuk memberi pandangan tentang keberkesanan program ini serta cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaannya.

Temubual dilakukan secara individu dengan setiap pegawai. Soalan-soalan temubual dibangunkan berdasarkan objektif kajian, yang bertujuan untuk menilai penerimaan golongan asnaf terhadap program, pemantauan dan penilaian terhadap program yang dijalankan, impak program terhadap peningkatan ekonomi mereka, cabaran yang dihadapi oleh pegawai MAIPs, serta cadangan dan usul penambahbaikan. Beberapa soalan utama yang diajukan termasuk:

- Sejauh mana anda bersetuju bahawa program ini disambut baik oleh golongan asnaf?
- Bagaimana MAIPs memantau dan menilai impak terhadap keberkesanan program ini?
- Adakah anda berpendapat bahawa Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf mempunyai impak yang baik terhadap peningkatan ekonomi mereka?
- Adakah MAIPs perlu berhadapan dengan satu cabaran yang besar dalam merealisasikan Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf ini?
- Adakah sebarang usul tentang cadangan penambahbaikan berdasarkan Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf yang sedia ada ini daripada pihak MAIPs?

Data yang diperoleh daripada temubual ini dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik. Langkah pertama dalam analisis ini melibatkan transkripsi rakaman temubual untuk memastikan bahawa setiap butiran maklumat diperoleh dengan tepat. Kemudian, tema-tema utama yang berkaitan dengan penerimaan program, impak ekonomi, cabaran yang dihadapi, serta cadangan penambahbaikan dikenalpasti dan dianalisis. Analisis tematik membolehkan penyelidik untuk mengesan pola-pola yang berkaitan dengan pengalaman pegawai MAIPs dalam pelaksanaan program, serta cabaran yang dihadapi semasa memberi bantuan kepada golongan asnaf.

Sebagai kajian yang melibatkan individu, aspek etika yang ketat diambil kira. Semua peserta temubual dimaklumkan terlebih dahulu mengenai tujuan kajian ini dan diberi jaminan bahawa maklumat yang diberikan akan dirahsiakan. Peserta juga diberi kebebasan untuk menarik diri daripada kajian pada bila-bila masa tanpa sebarang penalti. Sebelum temubual dijalankan,

kebenaran bertulis daripada peserta diperoleh untuk memastikan bahawa mereka bersetuju dengan proses temubual dan penggunaan maklumat yang dikumpulkan dalam kajian ini.

4. Dapatan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPs). Melalui temubual mendalam dengan pegawai-pegawai MAIPs yang bertanggungjawab di bahagian pengurusan zakat, beberapa dapatan penting telah dikenalpasti. Hasil kajian ini memberikan gambaran yang lebih jelas tentang penerimaan program oleh penerima manfaat, usaha pemantauan dan penilaian yang dilaksanakan oleh MAIPs, impak program dari perspetif pegawai MAIPs, cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan program serta cadangan penambahbaikan yang boleh diambil pada masa hadapan.

4.1 Penerimaan Asnaf terhadap Bantuan

Secara keseluruhan, Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf disambut baik oleh golongan asnaf yang menerima bantuan. Berdasarkan temubual dengan pegawai MAIPs, program ini dilihat sebagai satu langkah yang amat penting dalam meningkatkan kualiti hidup asnaf, terutamanya dalam usaha keluar dari kemiskinan. Pegawai 1 menyatakan bahawa program ini bukan sahaja memberi bantuan kewangan, tetapi juga bertujuan untuk meningkatkan daya saing golongan asnaf melalui sokongan dalam bentuk peralatan yang relevan untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka.

Penerima bantuan juga memberi maklum balas yang positif mengenai penerimaan mereka terhadap program ini. Sebahagian besar penerima menyatakan bahawa mereka merasa diberi peluang untuk memulakan perniagaan atau memperbaiki keadaan ekonomi mereka dengan bantuan yang diterima. Sebagai contoh, bantuan dalam bentuk peralatan pertanian atau modal untuk perniagaan kecil memberi mereka keupayaan untuk meningkatkan hasil kerja mereka dan seterusnya menambah pendapatan.

Walau bagaimanapun, tahap penerimaan yang berbeza-beza antara penerima adalah perkara yang perlu diberi perhatian. Beberapa penerima menunjukkan minat yang tinggi dan berjaya menggunakan bantuan untuk memperbaiki keadaan kewangan mereka, manakala yang lain pula menghadapi kesukaran untuk memanfaatkan bantuan tersebut sepenuhnya. Faktor seperti kekurangan pengetahuan keusahawanan, kurangnya sokongan lanjutan selepas bantuan diberikan, dan keterbatasan dalam akses kepada pasaran menjadi halangan bagi mereka untuk memaksimumkan manfaat yang diberikan.

Pegawai 1 juga menekankan bahawa selain daripada pemberian bantuan peralatan, terdapat juga sesi motivasi dan pendidikan kewangan yang diberikan oleh pihak MAIPs untuk membantu penerima menguruskan bantuan yang diterima dengan lebih berkesan. Namun, ia juga diakui bahawa beberapa penerima tidak aktif atau menghadapi masalah dalam melaksanakan perniagaan mereka selepas bantuan diberikan. Terdapat beberapa faktor luar yang turut mempengaruhi kejayaan mereka, seperti perubahan dalam keadaan ekonomi, persaingan pasaran, dan kesukaran dalam mengakses sumber perniagaan.

Secara keseluruhannya, penerimaan asnaf terhadap program ini adalah positif, tetapi terdapat ruang untuk meningkatkan keberkesanan program melalui penyediaan sokongan berterusan dan pendidikan keusahawanan yang lebih terperinci. Dengan ini, asnaf akan lebih berdaya

saing dan mampu memanfaatkan bantuan secara lebih optimum untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

4.2 Pemantauan dan Penilaian oleh Pihak MAIPs

Pemantauan dan penilaian merupakan elemen yang sangat penting dalam memastikan keberkesanan Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf yang dilaksanakan oleh MAIPs. Berdasarkan temubual dengan pegawai MAIPs, dapat disimpulkan bahawa pemantauan program ini dilakukan secara berterusan, namun terdapat cabaran dalam melaksanakan pemantauan secara menyeluruh kepada setiap penerima bantuan.

Menurut Pegawai 1, MAIPs menjalankan pemantauan berkala terhadap penerima bantuan melalui Akademi Transformasi Asnaf MAIPs (ATAM). ATAM memainkan peranan penting dalam memberi sokongan kepada penerima, termasuk menyediakan kursus seperti pengurusan kewangan dan pemasaran. Walaupun pemantauan ini lebih banyak dilakukan secara tidak langsung, ia masih mampu memberikan panduan yang diperlukan bagi memastikan penerima dapat memanfaatkan bantuan yang diterima.

Namun, terdapat beberapa kekangan dalam pemantauan langsung oleh pihak MAIPs. Pegawai 1 menjelaskan bahawa MAIPs tidak dapat memantau setiap penerima secara langsung 100% kerana kekurangan sumber manusia dan jarak geografi yang luas. Sebagai contoh, beberapa penerima yang tinggal di kawasan luar bandar atau terpencil mungkin sukar diakses oleh pegawai yang bertanggungjawab. Oleh itu, pemantauan sering dilakukan melalui kerjasama dengan pihak luar seperti MARA dan pihak lain yang relevan untuk memberi latihan dan peluang kepada penerima, serta memastikan mereka mendapat sokongan yang diperlukan.

Pegawai 2 menambah bahawa walaupun MAIPs tidak mampu memantau setiap penerima secara individu, mereka tetap berusaha untuk melawat penerima yang menghadapi masalah atau yang memerlukan bantuan tambahan. Sebagai contoh, dalam Program Kayuhan Tuanku, pegawai MAIPs akan turun padang untuk bertemu dengan penerima bantuan dan memastikan bantuan yang diberi digunakan dengan sebaik-baiknya. Program ini juga berfungsi sebagai platform untuk memantau kemajuan dan memberikan bimbingan kepada penerima.

Di samping itu, MAIPs juga memanfaatkan sistem teknologi untuk membantu dalam pemantauan. Walaupun penggunaan sistem maklumat zakat masih dalam proses penyempurnaan, ia dilihat sebagai satu langkah ke arah pemantauan yang lebih efisien dan menyeluruh. Sistem ini akan membolehkan MAIPs untuk mengesan kemajuan setiap penerima, serta memastikan bantuan yang diberikan memberi impak yang berkesan.

Penilaian keberkesanan program dilakukan melalui penyemakan data penerima yang disimpan oleh ATAM, serta pemeriksaan terhadap kemajuan ekonomi penerima selepas bantuan diberikan. Pegawai 1 menekankan bahawa MAIPs juga bekerjasama dengan pihak lain, seperti Jabatan Agama Islam, untuk menilai keberkesanan program secara lebih holistik, yang merangkumi bukan sahaja aspek kewangan, tetapi juga aspek pembangunan sosial dan pendidikan penerima.

Walaupun pemantauan dan penilaian program ini dilaksanakan secara berkala, terdapat keperluan untuk memperbaiki keberkesanan pemantauan, terutama dalam menghadapi kekangan sumber manusia dan aksesibiliti penerima. Cadangan untuk meningkatkan pendidikan keusahawanan dan penyelarasan dengan agensi lain turut disebut sebagai langkah penting untuk memastikan bahawa penerima bantuan menerima sokongan yang berterusan dan dapat memanfaatkan bantuan dengan sebaik-baiknya.

4.3 Perubahan Ekonomi dalam Kehidupan Asnaf

Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf yang dilaksanakan oleh MAIPs bertujuan untuk membawa perubahan positif dalam kehidupan ekonomi golongan asnaf di negeri Perlis. Berdasarkan dapatan kajian, perubahan ekonomi yang dialami oleh sebahagian penerima bantuan dapat dilihat melalui peningkatan pendapatan dan peningkatan tahap kemandirian ekonomi mereka.

Sebahagian besar penerima bantuan melaporkan bahawa selepas menerima bantuan, mereka berjaya memperbaiki pendapatan mereka, terutamanya yang menerima bantuan peralatan dan modal perniagaan. Pegawai 1 menjelaskan bahawa bantuan dalam bentuk peralatan pertanian, peralatan penternakan, dan modal perniagaan memberi penerima peluang untuk memperluaskan skala perniagaan mereka, serta meningkatkan produktiviti dan kualiti produk. Beberapa penerima yang terlibat dalam perniagaan kecil, seperti perniagaan makanan atau kraftangan, menyatakan bahawa mereka dapat memperluaskan operasi perniagaan mereka setelah menerima bantuan yang sesuai dengan keperluan mereka.

Walau bagaimanapun, perubahan ekonomi yang berlaku tidak sama bagi semua penerima. Pegawai 2 menyatakan bahawa beberapa penerima menghadapi kesukaran dalam menguruskan perniagaan mereka selepas menerima bantuan, disebabkan oleh faktor pasaran yang tidak menentu, kurangnya pengetahuan dalam pengurusan kewangan, dan kurangnya akses kepada pelanggan. Faktor-faktor ini menyukarkan mereka untuk mencapai kestabilan ekonomi dalam jangka panjang. Sebahagian besar penerima yang berjaya menunjukkan kemajuan dalam meningkatkan ekonomi mereka adalah mereka yang aktif dalam mengikuti kursus pengurusan kewangan dan pelatihan keusahawanan yang disediakan oleh MAIPs melalui ATAM.

Selain peningkatan pendapatan, terdapat juga perubahan dalam kualiti hidup penerima. Sebagai contoh, beberapa penerima melaporkan bahawa mereka kini mampu menyediakan keperluan asas keluarga seperti pendidikan anak-anak dan kesihatan dengan lebih baik. Ini menunjukkan bahawa bantuan yang diterima memberi kesan yang besar terhadap penambahbaikan taraf hidup mereka.

Namun, perubahan yang dicapai tidak selalu kekal. Beberapa penerima mencatatkan bahawa pendapatan mereka meningkat dalam jangka pendek, tetapi menurun kembali apabila mereka menghadapi cabaran yang tidak dijangka, seperti kemerosotan permintaan pasaran atau kerosakan peralatan. Oleh itu, untuk memastikan perubahan ekonomi yang lebih berkekalan, MAIPs perlu memberi lebih banyak sokongan berterusan dan pembinaan kapasiti dalam bentuk bimbingan jangka panjang dan akses kepada peluang pemasaran yang lebih luas.

Secara keseluruhan, impak program ini terhadap kehidupan ekonomi asnaf adalah positif, dengan sebahagian besar penerima mengalami peningkatan pendapatan dan keupayaan untuk memenuhi keperluan asas keluarga. Walau bagaimanapun, untuk mencapai perubahan yang lebih lestari, sokongan lanjutan dalam bentuk pendidikan, bimbingan, dan akses kepada pasaran adalah penting.

4.4 Cabaran dalam Merealisasikan Objektif Program

Walaupun Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf yang dilaksanakan oleh MAIPs berjaya membantu beberapa golongan asnaf untuk meningkatkan pendapatan mereka, terdapat beberapa cabaran utama yang dihadapi dalam merealisasikan objektif program ini. Berdasarkan temubual dengan Pegawai 1 dan Pegawai 2, berikut adalah cabaran-cabaran yang dikenalpasti dalam pelaksanaan program ini:

- **Pemilihan Penerima Bantuan yang Tepat:** Salah satu cabaran yang dihadapi oleh MAIPs adalah dalam pemilihan penerima bantuan yang benar-benar layak dan mampu memanfaatkan bantuan tersebut. Pegawai 1 menyatakan bahawa pemilihan penerima perlu dilakukan dengan teliti untuk memastikan mereka benar-benar dapat memanfaatkan bantuan yang diberikan. Ini kerana jika bantuan diberikan kepada individu yang tidak berpotensi untuk menjalankan perniagaan atau tidak berkemahiran, bantuan tersebut mungkin tidak akan memberi impak yang besar terhadap peningkatan ekonomi mereka. Sebagai contoh, Pegawai 1 memberikan contoh situasi di mana seseorang yang sudah berumur mungkin tidak lagi mampu memanfaatkan bantuan ini untuk tujuan peningkatan ekonomi.
- **Kekangan Sumber Manusia dan Logistik:** Selain itu, kedua-dua pegawai menyatakan bahawa MAIPs berhadapan dengan kekangan sumber manusia yang mencabar, yang menghalang mereka daripada menjalankan pemantauan secara langsung kepada setiap penerima bantuan. Pegawai 1 menjelaskan bahawa MAIPs adalah sebuah badan yang besar, namun kekurangan pegawai yang terlatih dan terhadnya sumber daya manusia menyebabkan mereka tidak dapat memantau setiap penerima bantuan secara individu. Ini menyukarkan proses pemantauan kemajuan penerima secara menyeluruh dan berkesan. Pegawai 2 juga menekankan bahawa walaupun MAIPs berusaha untuk memantau kemajuan penerima, mereka terpaksa mengatasi kekurangan pegawai dan keperluan untuk lawatan ke kawasan yang jauh.
- **Keaktifan Penerima dalam Menggunakan Bantuan:** Cabaran lain yang dihadapi oleh MAIPs adalah keaktifan penerima bantuan dalam memanfaatkan bantuan yang diberikan. Pegawai 1 menegaskan bahawa terdapat penerima yang tidak aktif dalam menjalankan perniagaan mereka selepas menerima bantuan, yang menyebabkan bantuan tersebut tidak memberi kesan yang signifikan terhadap peningkatan ekonomi mereka. Dalam hal ini, Pegawai 1 menyatakan bahawa MAIPs telah memberikan bantuan dalam bentuk peralatan, namun beberapa penerima tidak aktif menjalankan perniagaan mereka selepas itu, terutamanya disebabkan oleh faktor kekurangan motivasi atau masalah peribadi. Oleh itu, motivasi perlu diberikan bagi memastikan penerima bantuan dapat memanfaatkan peluang yang diberikan.
- **Isu Pemantauan dan Penilaian Keberkesanan Program:** Pegawai 1 juga menyebut bahawa pemantauan dan penilaian keberkesanan program ini juga merupakan satu cabaran. MAIPs berusaha untuk memastikan bantuan yang diberikan mencapai objektifnya, namun, pemantauan secara langsung tidak selalu dapat dilakukan dengan cukup mendalam, terutama bagi penerima di kawasan yang lebih terpencil. Oleh itu, walaupun ATAM bertanggungjawab menyediakan kursus dan bimbingan, pemantauan yang lebih berterusan dan lebih menyeluruh diperlukan untuk memastikan bantuan yang diberikan benar-benar memberi impak yang berkesan.
- **Sumber Kewangan dan Keperluan Modal:** Pegawai 2 menambah bahawa, dalam beberapa kes, walaupun bantuan diberikan dalam bentuk modal, ia mungkin tidak mencukupi untuk menampung keperluan sebenar penerima yang ingin memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka. Hal ini menyebabkan beberapa penerima tidak dapat mencapai objektif jangka panjang mereka kerana terbatasnya sumber kewangan. Oleh itu, bantuan tambahan mungkin diperlukan untuk memastikan penerima dapat memperluaskan perniagaan mereka dan memaksimumkan impak yang diinginkan.

4.5 Cadangan Penambahbaikan dari Perspektif Pegawai MAIPs

Berdasarkan temubual dengan Pegawai 1, beberapa cadangan penambahbaikan telah diberikan untuk meningkatkan keberkesanan Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf yang dilaksanakan oleh MAIPs. Pegawai 2 tidak mengusulkan sebarang komen untuk cadangan penambahbaikan ini. Berikut adalah cadangan-cadangan yang diutarakan oleh Pegawai 1:

- **Peningkatan Pendidikan Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan:** Pegawai 1 mencadangkan agar pendidikan keusahawanan dan pengurusan kewangan diberi perhatian lebih dalam pelaksanaan program. Beliau mencadangkan agar kursus latihan yang lebih terperinci dalam pengurusan kewangan, pemasaran, dan pengurusan perniagaan disediakan untuk penerima bantuan. Dengan adanya pengetahuan yang lebih mendalam dalam bidang-bidang ini, penerima bantuan akan lebih berdaya saing dan mampu menguruskan dana dengan lebih bijak, seterusnya memperluaskan perniagaan mereka.
- **Sokongan Berterusan dan Bimbingan Jangka Panjang:** Selain pendidikan, Pegawai 1 juga menekankan pentingnya sokongan berterusan dan bimbingan jangka panjang bagi penerima bantuan. Bantuan yang diberikan oleh MAIPs perlu diikuti dengan bimbingan berterusan untuk memastikan penerima dapat menggunakan bantuan dengan sebaik-baiknya dan memperbaiki pengurusan perniagaan mereka. Oleh itu, beliau mencadangkan agar MAIPs terus memberikan sokongan aktif melalui kunjungan berkala dan sesi bimbingan lanjutan selepas bantuan disalurkan, bagi memastikan penerima dapat mengatasi cabaran dalam menjalankan perniagaan mereka.
- **Penyelarasan dengan Agensi Kerajaan dan Swasta:** Pegawai 1 juga mencadangkan penyelarasan yang lebih baik dengan agensi kerajaan dan swasta, seperti MARA, Jabatan Pertanian, dan Menteri Pembangunan Usahawan. Kerjasama ini boleh memberikan akses tambahan kepada penerima dalam bentuk latihan, pembiayaan, dan peluang pemasaran. Penyelarasan ini akan membolehkan penerima bantuan mendapat sokongan yang lebih holistik, memperluaskan rangkaian perniagaan mereka dan meningkatkan peluang untuk berjaya dalam jangka panjang.
- **Peningkatan Sistem Pemantauan dan Penilaian:** Pegawai 1 menekankan bahawa untuk memastikan keberkesanan program, sistem pemantauan dan penilaian perlu dipertingkatkan. Beliau mencadangkan agar sistem maklumat zakat yang lebih canggih diperkenalkan untuk memudahkan pemantauan kemajuan penerima bantuan dan menilai impak program secara lebih terperinci. Dengan adanya sistem ini, MAIPs dapat memastikan bahawa bantuan yang diberikan memberi kesan positif terhadap penerima, serta membantu dalam penyampaian bantuan yang lebih tepat dan berkesan.

5. Kesimpulan

Kajian ini telah mengkaji keberkesanan Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dalam meningkatkan taraf hidup golongan asnaf di negeri Perlis. Berdasarkan temubual dengan dua pegawai MAIPs, kajian ini memberikan pandangan yang lebih mendalam mengenai penerimaan asnaf terhadap program, pemantauan dan penilaian program, impak program terhadap ekonomi mereka, cabaran yang dihadapi oleh MAIPs, serta cadangan penambahbaikan untuk memperkukuhkan keberkesanan program ini.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penerimaan program oleh golongan asnaf adalah positif, dengan banyak penerima merasakan bahawa bantuan yang diberikan telah memberi kesan yang signifikan dalam meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup mereka. Namun, tahap penerimaan tidak sama bagi semua penerima, dengan beberapa cabaran dalam mengaktifkan penerima dan memastikan mereka benar-benar memanfaatkan bantuan yang diberikan. Pemantauan dan penilaian program dilakukan melalui Akademi Transformasi Asnaf MAIPs (ATAM) dan pihak lain yang terlibat, namun kekangan sumber manusia dan logistik menghalang pemantauan yang lebih menyeluruh, terutama bagi penerima di kawasan terpencil. Di samping itu, kajian ini juga mengenal pasti beberapa cabaran utama dalam merealisasikan objektif program. Antaranya adalah kesukaran dalam pemilihan penerima bantuan yang tepat,

kekurangan sumber manusia yang mencukupi untuk memantau penerima secara langsung, serta keperluan untuk sokongan berterusan bagi penerima selepas bantuan diberikan. Akses kepada pasaran dan kurangnya pengetahuan dalam pengurusan perniagaan juga diakui sebagai halangan utama bagi penerima untuk memanfaatkan bantuan dengan sebaik-baiknya.

Sebagai tindak balas terhadap cabaran-cabaran ini, cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh pegawai MAIPs termasuk peningkatan pendidikan keusahawanan, sokongan berterusan dan bimbingan jangka panjang, serta penyelarasan dengan agensi kerajaan dan swasta untuk memperluaskan peluang latihan dan akses kepada pembiayaan. Selain itu, sistem pemantauan dan penilaian yang lebih canggih dan menyeluruh juga disarankan bagi memastikan bantuan yang diberikan memberi impak yang lebih besar kepada penerima.

Secara keseluruhan, Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf telah memberi kesan positif kepada golongan asnaf, tetapi untuk mencapai impak yang lebih besar dan sustainable, usaha-usaha untuk memperbaiki proses pemilihan, memperluas akses pasaran, dan meningkatkan pemantauan berterusan perlu dilaksanakan. Kajian ini memberi pandangan yang berguna bagi MAIPs dan pihak berkepentingan lain untuk memperbaiki pelaksanaan program ini, dengan tujuan untuk memastikan bahawa lebih banyak golongan asnaf dapat mengatasi kemiskinan dan mencapai kemandirian ekonomi.

Penghargaan

Sekalung penghargaan dirakamkan kepada *Faizuddin Center of Educational Excellence* (FCoEE), MAIPs atas sokongan yang telah diberikan untuk kajian ini.

Rujukan

- Ayoup, H., Mohd Ariff, A. H., Jamaludin, N. A., Ismail, S., Md Isa, M. S. (2023). Pulangan sosial atas pelaburan: Kajian impak skim agihan zakat bantuan jayadiri asnaf di negeri Kedah. *Azka International Journal of Zakat & Social Finance*, 4(1), 39-56.
- Ayub, M. N., Mat Hassan, S. H., Lateh, N., Md Ishak, M. M., Anasat, M. N., & Hilmi, M. N. (2022). Impak agihan zakat pendapatan dalam memenuhi keperluan pelajar di Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah. *Proceedings Borneo Islamic International Conference EISSN 2948-5045*, 13, 113-118.
- Meerangani, K. A., & Azman, U. K. Z. (2019a). Keberkesanan program pembangunan ekonomi asnaf oleh Lembaga Zakat Selangor. *E-Academia Journal*, 8(2), 5–29.
- Meerangani, K. A., & Azman, U. K. Z. (2019b). Transformasi usahawan asnaf menerusi program pembangunan ekonomi zakat: Kajian di Lembaga Zakat Selangor. *Journal of Ilmi*, 9, 15-29.
- Wahid, H., Ahmad, S., & Mohd Noor, M. A. (2004). Kesan bantuan zakat terhadap kualiti hidup asnaf fakir dan miskin. *The Journal of Muamalat & Islamic Finance Research*, 1(1), 151-165.
- Wahid, H., Ahmad, S., Mohd Nor, M. A., & Abd Rashid, M. (2017). Prestasi kecekapan pengurusan kewangan dan agihan zakat: Perbandingan antara Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 51(2), 33-46.
- Zuhairah, I. A., Taha, R., Hamzah, M. A., Salleh, Z., Ahmad, N., Azmi, R., & Gambo, M. H. (2023). Isu dan cabaran dalam pengurusan program bantuan modal zakat untuk usahawan asnaf. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 8(2), 1166-1177.